

16 NOV 2001

Mahathir-PBS

PENERIMAAN PBS DALAM BN BERGANTUNG KEPADA PERSETUJUAN AHLI, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Penerimaan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional bergantung kepada persetujuan semua parti komponen, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan penjelasan presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan mengenai hasrat parti itu untuk pulang ke pangkuan BN pada pertemuan di Putrajaya semalam yang turut menyaksikan penyerahan permohonan tersebut.

"Saya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan (oleh presiden PBS Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan) tetapi kita perlu tanya semua parti komponen lain dalam BN sebelum mereka boleh diterima kembali," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan kunci rumah banglo dan rumah teres dua tingkat kepada 147 Orang Asli di Bukit Lanjan di sini.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, menegaskan bahawa beliau perlu meminta parti-parti dalam BN, terutama komponen parti di Sabah, sokongan mereka terhadap isu itu.

"Kita perlu meminta semua mereka, mungkin sesetengahnya takut, tetapi kita demokratik, jadi kita perlu dapatkan kelulusan mereka," katanya.

Minggu lepas, PBS mengumumkan bahawa parti itu akan memohon untuk menyertai semula BN. PBS keluar daripada BN pada 1990, dua hari sebelum pilihan raya umum dan ketika itu Dr Mahathir menyifatkan langkah itu sebagai menikam daripada belakang.

Ditanya mengenai pertemuan dengan Pairin pada hari Khamis, Dr Mahathir berkata: "Dia kata beliau sedar kesilapannya... dia sudah meminta maaf, jadi tidak elok jika kita tidak buat sesuatu," katanya.

Perdana Menteri berkata jika ada parti politik yang berminat untuk menyertai BN, mereka seharusnya ikhlas dan tidak melakukan sesuatu yang akan menjejaskan gabungan parti memerintah itu.

Ditanya sama ada beliau telah mendapat jaminan daripada PBS bahawa mereka tidak akan mengulangi perbuatan 1990, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada jaminan... musuh anda hari ini boleh jadi rakan paling rapat esok, rakan baik anda esok mungkin masuk penjara hari berikutnya."

-- BERNAMA

SR ZS LAT